

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN
MOHAMED @ HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

SOALAN

Minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan rancangan pembangunan terkini Kampung Baru dan adakah Kementerian berhasrat untuk mengekalkan kawasan Kampung Baru sebagai Wilayah Kebudayaan seperti China Town dan Little India dalam menarik lebih ramai pelancong.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Terengganu, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah menetapkan hala tuju baru pelaksanaan pembangunan semula Kampong Bharu yang mana pihak Kerajaan akan terlibat secara langsung dalam memastikan pelaksanaan pembangunan semula Kampong Bharu yang lebih berkesan. Kaedah pembangunan semula Kampong Bharu yang bergantung semata-mata kepada persetujuan dan keupayaan pemilik tanah dilihat tidak membantu usaha membangunkan semula Kampong Bharu.

Pihak Kerajaan juga telah menetapkan pelaksanaan pembangunan semula Kampong Bharu tidak akan meminda syarat pemilikan tanah Kampong Bharu yang dikhaskan hanya untuk orang Melayu. Berdasarkan asas tersebut, pihak Kementerian melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Pembangunan Kampong Bahru (PKB) telah menyediakan cadangan pelan pembangunan semula Kampong

Bharu yang dikenali sebagai Pelan Konsep Kampong Bharu (*'Kampong Bharu Concept Plan'* - KBCP) 2019. Ia telah dipamerkan kepada pemilik, pewaris dan orang awam pada 21 September 2019 sempena Sesi 'Town Hall' YB Menteri Wilayah Persekutuan bersama pemilik dan pewaris tanah berdaftar Kampong Bharu.

Pelan Konsep yang disediakan ini adalah selaras dengan Pelan Struktur Kuala Lumpur (PSKL) 2020 dan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur (PBRKL) 2020 yang diwartakan. PSKL 2020 menetapkan Kampong Bharu sebagai Kawasan Pembangunan Komprehensif (KPK) dan PBRKL 2020 menetapkan zon guna tanah Kampong Bharu sebagai Perdagangan Pusat Bandar Raya (*City Centre Commercial – CCC*) dengan nisbah plot 1 nisbah 10 (1 : 10). Pelan yang disediakan ini menfokuskan kepada kawasan *'Malay Agriculture Settlement'* (M.A.S), Kampong Bharu seluas 219.91 ekar.

Selaras dengan penetapan status pegangan Melayu yang akan terus dikekalkan, satu kawasan seluas 28 ekar yang dikenali sebagai **Taman Warisan Melayu** telah dicadangkan sebagai komponen utama pembangunan semula Kampong Bharu dibina di kawasan seluas 28 ekar, Masjid Jamek Kampong Bharu dan persekitarannya yang dinaiktaraf akan menjadi *'focal point'* pembangunan semula Kampong Bharu.

Terdapat 3 komponen dicadangkan dalam kawasan ini iaitu :

- 1) **'Kampung Warisan Melayu'** yang akan menempatkan rumah-rumah tradisional Melayu termasuklah replika rumah-rumah warisan Kampong Bharu diantara 100 hingga 130 unit rumah. Unit-unit rumah yang dibina ini akan menempatkan restoran makanan Melayu, Muzium Kesenian & Tradisional Melayu, Teratak Kraftangan Melayu, *'Boutique Homestay'* serta pusat informasi Warisan Melayu Kampong Bharu. Senibina bangunan dan reka bentuk ruang kawasan ini akan mengadaptasi suasana dan landskap perkampungan Melayu tradisional;
- 2) **'Pusat Seni, Persembahan & Kebudayaan Melayu'** pula akan menyediakan pentas persembahan dan pembelajaran seni

tarian (zapin, inang), muzikal (ghazal, dondang sayang), sukan tradisional (gasing, sepak raga), perfileman, pertunjukan tradisional (bangsawan, wayang kulit) serta seni bela diri (silat) Masyarakat Melayu. Program berjadual akan disusun dalam menarik pengunjung serta pelancong luar dan dalam negara menghayati, memahami dan mempelajari budaya serta cara hidup masyarakat Melayu; dan

- 3) **'Kompleks Warisan Melayu'** dibina sebagai lokasi bagi mempromosi, menjual barangan kraftangan, kesenian, peralatan dan makanan tradisional Melayu. Ia akan menjadi tarikan kepada pengunjung serta pelancong yang hadir ke Kampong Bharu.

Selain komponen utama tersebut, pembangunan semula Kampong Bharu turut menetapkan pembinaan sejumlah 45,000 unit rumah dengan sejumlah **50%** daripada jumlah tersebut telah ditetapkan bagi tujuan **'Kediaman Mampu Milik'**.

Selain itu juga, sebanyak 9 juta kaki persegi ruang lantai perniagaan akan disediakan berbanding 1 juta kaki persegi ruang perniagaan pada masa kini dan **10%** telah diperuntukkan untuk **'Komersial Mampu Milik'**.

Pelan konsep yang disediakan ini akan diperincikan setelah mendapat pandangan serta persetujuan pemilik dan pewaris tanah berhubung tawaran dan pilihan bentuk pulangan yang dikemukakan pihak kerajaan. Satu pelan pembangunan terperinci seterusnya akan disediakan dan dipamerkan kepada awam untuk mendapatkan pandangan sebelum pembangunan semula Kampong Bharu dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.